

22 AUG 2001

Mahathir-Pas

KEGIATAN PAS PECAH-BELAHKAN PERPADUAN UMAT ISLAM NEGARA INI

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kegiatan parti Pas telah memecah-belahkan kesatuan umat Islam di negara ini hingga wujudnya kegiatan sembahyang dua imam seperti yang dilaporkan berlaku di sebuah masjid di sini sejak dua bulan lepas.

Ketika ditanya mengenai kejadian itu yang dilaporkan akhbar hari ini, beliau dengan sinis berkata: "Baguslah tu. Perkembangan yang amat menarik kerana dulu kita satu bangsa, satu agama dan tidak ada perpecahan.

"Datang parti Pas, inilah kerja mereka, memecah-belah orang Islam sendiri," katanya pada sidang media di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang setibanya dari Uganda selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001.

Akhbar tempatan melaporkan hari ini terdapat sekumpulan pelajar Universiti Malaya (UM) dan para penyokong sebuah parti politik bertindak melakukan sembahyang dua imam di Masjid Ar-Rahman dekat kampus universiti itu sejak dua bulan lalu kerana dikatakan enggan mengikuti imam yang dilantik oleh kerajaan.

Menyentuh mengenai kejadian empat murid dilaporkan melakukan seks oral di bilik darjah di Perak baru-baru ini, Dr Mahathir berkata: "Ini menunjukkan kemerosotan moral."

Beliau berkata walaupun ada ajaran agama dan moral di sekolah-sekolah, ia tidak berkesan.

Katanya, beliau tidak tahu apa yang diajar semasa mata pelajaran agama sehingga pelajar menjadi tidak bermoral sama-sekali.

"Alat yang kita guna untuk menjaga moral anak-anak kita tidak berfungsi," katanya.

Dr Mahathir berkata jika penuntut Melayu yang kesemuanya beragama Islam diberi penerangan yang cukup mengenai agama Islam, mereka tidak akan melakukan perkara yang biadab.

"Kita tahu di sekolah-sekolah kalangan guru agama lebih utamakan politik daripada mengajar agama," katanya.

Beliau berkata mereka lebih mementingkan soal menimbulkan kebencian terhadap kerajaan, sehingga pelajar tidak tahu agama Islam dan sanggup menyertai kegiatan seperti memuja syaitan.

-- BERNAMA

HK AHH NMO